



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

**KEAHLIAN MAJLIS EKONOMI DIGITAL NEGARA (MED4IRN) :
MENGGERAKKAN NEGARA KE ARAH TRANSFORMASI DIGITAL**

Kementerian Ekonomi berfungsi sebagai pemudahcara untuk inisiatif ekonomi digital negara dengan menyelaraskan usaha lintas-kementerian melalui Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Industri Ke-4 (MED4IRN), yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Melalui rangka kerja MED4IRN, kerajaan mengambil pendekatan bersepadu dalam membangunkan ekosistem ekonomi digital yang cergas. Ini dilakukan melalui pembentukan dasar, pelaksanaan inisiatif, dan pendanaan yang melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta.

Proses pemilihan ahli majlis dilaksanakan melalui satu panggilan terbuka. Para pakar dan profesional daripada pelbagai sektor telah mengemukakan pencalonan mereka.

Pelantikan mereka adalah hasil saringan ribuan pemohon yang menyahut jemputan Kementerian Ekonomi agar jawatankuasa kerajaan turut disertai oleh penggiat industri yang ada kepakaran di segenap peringkat.

Majlis ini akan bertanggungjawab merangka dasar, berkongsi nasihat pakar, dan membimbing pelaksanaan di semua peringkat pentadbiran dan sektor-sektor ekonomi.

Kepentingan merangkul transformasi digital tidak boleh dipandang enteng. Pengamalan perubahan digital bukanlah lagi suatu pilihan; ia adalah suatu keperluan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial, dan daya saing global.

MED4IRN memainkan peranan menetapkan hala tuju strategik dan memberikan pemantauan yang diperlukan untuk menjadikan negara kita sebagai ekonomi berteraskan digital.

Ahli-ahli yang dilantik dan profil pendek mereka disertakan di Lampiran A.

RAFIZI RAMLI
25 OGOS 2023

Lampiran A

**SENARAI AHLI
MAJLIS EKONOMI DIGITAL DAN
REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT (4IR) NEGARA (MED4IRN)
[Lantikan pada 15 Ogos 2023]**

PENGERUSI

- 1. YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim**
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

KETUA SEKRETARIAT MED4IRN

- 2. YB Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli**
Menteri Ekonomi

PENGERUSI KLUSTER

- 3. YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz**
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri
- 4. YB Tuan Chang Lih Kang**
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
- 5. YB Dato' Sri Hajah Nancy Binti Shukri**
Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- 6. YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil**
Menteri Komunikasi dan Digital

7. YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu

Menteri Sumber Manusia

8. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

MENTERI DENGAN PORTFOLIO BERKAITAN INISIATIF EKONOMI DIGITAL DAN 4IR

9. YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail

Menteri Dalam Negeri

10. YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin

Menteri Pendidikan Tinggi

11. YB Puan Fadhlina Binti Sidek

Menteri Pendidikan

WAKIL SEKTOR SWASTA/INDUSTRI/AKADEMI/AKADEMIA/KUMPULAN PEMIKIR/

PERTUBUHAN MASYARAKAT SIVIL

12. YBrs. Prof Madya Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim

Ketua Teknologi, nanoSkunkWorkX Sdn Bhd

- Jurutera dan penyelidik terkemuka, pengurus projek dan pendidik dalam bidang nanoteknologi, bioperubatan, elektrik dan kejuruteraan bahan.
- Penceramah untuk belia dan penglibatan STEM.
- Menjalankan projek di bawah organisasi peneraju domain seperti NASA, Institut Kesihatan Kebangsaan (NIH) dan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA), Amerika Syarikat.

13. Encik Mohd Ridzwan Nordin

Rangka Kongsi, Kembara Kapital

- Berpengalaman selama 17 tahun dalam bidang teknologi dan pelaburan semasa menjadi pengasas dan pelabur syarikat berteknologi tinggi pada peringkat awal dan penghujung terutamanya di Malaysia, SEA dan AS

14. Encik Warren Leow Jia En

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Inimage Group

- Mantan pengasas Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) dan Ketua Pegawai Eksekutif Peningkatan Skala.
- Mempunyai pengalaman yang merangkumi peringkat permulaan dan peningkatan, tempatan dan global, pelabur dan usahawan, dasar kerajaan dan perhubungan sektor swasta.

15. Encik Tan Aik Keong

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Agmo Group

- Merupakan alumni Multimedia University (MMU), graduan kelas pertama dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektronik) 2008.
- Terlibat secara aktif dalam bidang pembangunan perisian end-to-end seperti pengurusan projek, pengaturcaraan aplikasi mudah alih, pengaturcaraan backend dan pembangunan Blockchain.
- Merupakan Angel Investor dalam Malaysia Business Angel Network (MBAN).

16. Encik Abu Bakar Ngah

Peneraju Perniagaan Perusahaan, eduCLaaS Sdn Bhd

- Mempunyai kemahiran dalam bidang Transformasi Digital, 4IR, *Blockchain*, transformasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

- Memiliki pengetahuan dan pengalaman profesional dalam bidang IT selama 30 tahun

17. Puan Rajifah Ramli

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif, Data8 Sdn Bhd

- Membangunkan cHEART (cheart.io), merupakan platform *blockchain* untuk rekod-rekod perubatan yang sedang digunakan di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buloh.
- Membangunkan keupayaan AI untuk terus membantu pekerja barisan hadapan dan pesakit.
- Sebahagian daripada Program *National Technology & Innovation Sandbox*.
- Pengerusi Program Kesihatan & Kesejahteraan *i-Connect* di bawah MOSTI.

18. Encik Chin Kah Yi

Ketua Pegawai Eksekutif, Sabah Net Sdn Bhd

- Menguruskan Pembekal Perkhidmatan Terurus milik kerajaan negeri yang berusia 27 tahun dalam penghubungan digital negeri, pembangunan aplikasi, keselamatan siber, dan perkhidmatan pusat data bagi Kerajaan Negeri Sabah.

19. Encik Raj Ridvan Singh

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, SOLS Foundation

- Menguruskan syarikat permulaan *Green Energy* di Malaysia yang dilabur Petronas dan *Silicon Valley*.
- Merancang dan melaksanakan program pendidikan dan pembangunan komuniti untuk seluruh komuniti.

20. Puan Lim Yee Mei

Ketua Pegawai Eksekutif, OMIS Consulting Sdn Bhd

- Mempunyai kemahiran dalam bidang *Artificial Intelligence (IR)*, Pembuatan Pintar, Industri 4.0, Sistem Informasi dan Analisis Data Besar (*Big Data Analytic*).
- Ahli jawatankuasa NSC 19 / TC 15 - Jawatankuasa Teknikal Pembuatan Pintar di bawah Jabatan Standard Malaysia.

21. Encik Mohammed Faiz Shaul Hamid

Ketua, Rangkaian Nilai Global, Islamic Development Bank (IDB)

- Mempunyai pengalaman yang luas dalam menasihati kerajaan Timur Tengah, Afrika dan Asia mengenai Transformasi Industri 4.0 dalam pelbagai industri.
- Perintis rangka kerja Rangkaian Nilai Global untuk pembangunan ekonomi secara global.
- Mempunyai pemahaman mendalam tentang IR4.0 dan menasihati Kumpulan G-20 mengenai rangka pelaburan digital untuk meningkatkan pelaburan digital.

22. Encik Jasbir Singh S/O Maktiar Singh

Penasihat Bebas

- Pengurus Telco dan MNC, mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang kawasan yang memerlukan rangkaian nasional (Telco), MNCs, vendor, *System Integrators*.
- Terlibat dalam melancarkan pendekatan bandar pintar dan pembangunan lot dan pertanian pintar melalui bidang kejuruteraan.

EX-OFFICIO

23. YBhg. Dato' Nor Azmie Bin Diron

Ketua Setiausaha, Kementerian Ekonomi

24. YBhg. Datuk Rodzi Bin Md Saad

Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)

AHLI TANGKAS (AGILE MEMBERS)

25. YBhg. Tan Sri Mohamad Salim Bin Fateh Din

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
(*Malaysian Communications and Multimedia Commission*)

26. YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh

Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Sdn Bhd

— TAMAT —